

**Lebih 3,000 berkumpul di Johor**  
**MalaysiaKini.com**  
**April 28, 2012**  
**By S Pathmawathy & Lynn D'Cruz**

Lebih 3,000 penyokong BERSIH berhimpun di Dataran Bandaraya di Johor Bahru untuk menyertai perhimpunan duduk bantah dengan lebih ramai tiba walaupun tempat itu dikawal ketat oleh polis.

NONEPerhimpunan itu diadakan serentak di lapan negeri lain sebagai tanda perpaduan bersama dengan 100,000 penyokong berpakaian kuning yang membanjiri kawasan Dataran Merdeka di Kuala Lumpur.

Orang ramai kedengaran melaungkan "Rakyat Melayu Rakyat Malaysia, Rakyat Cina Rakyat Malaysia, Rakyat India, Rakyat Malaysia".

Perhimpunan serentak itu juga diadakan oleh rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura di sebuah pusat membeli-belah di Johor Bahru Waterfront 7km dari Dataran Bandaraya, selepas pegawai Singapura enggan memberi permit polis untuk duduk bantah itu diadakan republik itu.

NONEPerhimpunan di Kota Kinabalu menyaksikan lebih 500 berkumpul di Padang Merdeka sejak jam 2 petang di bawah pengawasan polis.

Sebuah helikopter polis itu juga dilihat berlegar-legar di kawasan itu.

Di Sarawak, 2,000 orang berkumpul di halaman Pejabat Daerah Miri tanpa sebarang gangguan, manakala lebih 500 orang berkumpul bertentangan dengan Bangunan Mahkamah berhampiran Waterfront Kuching.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/196350>



